

# RM5.779b belum dituntut


■ KUALA LUMPUR 26 JULAI

**S**EBANYAK RM5.779 bilion wang tak dituntut (WTD) masih berada dalam simpanan Pendaftar WTD, Jabatan Akauntan Negara selaku pemegang amanah sehingga 30 Jun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, jumlah itu membabitkan lebih 55 juta rekod akaun termasuk simpanan, mesasa dan perniagaan sejak 1977.

Setakat ini jelas beliau, hanya sejumlah kira-kira RM1.58 bilion telah dituntut oleh individu atau waris yang terbabit.

Katanya, bagi memudahkan orang ramai menuntut wang mereka, kerajaan menyediakan sebanyak 25 kaunter bahagian WTD di seluruh negara iaitu Semenanjung Malaysia (13), Sarawak (tujuh) dan Sabah (em-



pat) manakala sebuah kaunter baharu akan dibuka di Putrajaya.

“Mereka perlu hadir sendiri ke mana-mana kaunter WTD untuk membuat semakan dan menuntut wang dengan membawa bersama dokumen yang diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Da-

**tuk Mohd. Zaim Abu Hasan (BN-Parit)** mengenai jumlah terkini WTD dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Othman berkata, sebagai pemegang amanah, kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas wang berkenaan dan sentiasa memastikannya selamat sehingga ia dituntut.